


NAMA MURID	
KELAS	4
TAJUK	IBADAH / MARI BERSUCI
KEMAHIRAN ASAS	4.1.1 / 4.1.2
OBJEKTIF	Murid dapat: ✓ Menerangkan pengertian najis dengan betul ✓ Menjelaskan bahagian dan jenis najis serta contohnya dengan betul.
RUJUKAN	Buku teks, tajuk "Mari Bersuci" muka surat 114 dan 115.



ARAHAN: BACA NOTA DI BAWAH BERULANG KALI DAN SALIN DALAM BUKU TULIS AG 2 (ULUM SYARIAH)

#PENGERTIAN NAJIS:

- ✓ Najis ialah semua benda kotor yang menghalang daripada sah solat, seperti darah dan tahi.

#NAJIS TERBAHAGI KEPADA 3 JENIS (MUKHOFFAFAH / MUGHOLLAZOH / MUTAWASSITOH)

1. NAJIS MUKHOFFAFAH (RINGAN)

- ✓ Air kencing kanak-kanak lelaki yang berumur 2 tahun ke bawah, yang tidak makan dan minum, kecuali susu ibunya sahaja

2. NAJIS MUGHOLLAZOH (BERAT)

- ✓ Anjing dan babi serta keturunannya. Segala perkara yang berkaitan dengan kedua-duanya seperti tahi, air kencing, air liur, kulit, lemak, daging, bulu, darah, tulang dan sebagainya.

3. NAJIS MUTAWASSITOH (SEDERHANA ATAU PERTENGAHAN)

- ✓ Segala bentuk najis selain daripada najis Mukhoffafah dan Mughollazoh. Seperti air kencing, tahi, darah, muntah, arak, nanah dan bangkai.

LATIHAN A:

Baca dengan teliti dan fahami pernyataan tersebut. Tuliskan (pilih) 'BETUL' atau 'SALAH'

1. Najis adalah benda kotor yang membatalkan solat.	BETUL	SALAH
2. Solat Anas batal kerana bajunya basah terkena air hujan.	BETUL	SALAH
3. Anis meneruskan solatnya walaupun telekungnya terkena tahi cicak.	BETUL	SALAH
4. Najis terbahagi kepada 3 jenis.	BETUL	SALAH
5. Tahi hidung, tahi mata dan tahi telinga adalah benda kotor, tetapi TIDAK membatalkan solat	BETUL	SALAH

Pentaksiran:

TP	
----	--